

SIARAN AKHBAR

Untung Lepas Cukai Pharmaniaga Lebih Tinggi Pada S2

KUALA LUMPUR, 8 Ogos 2012 – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) telah mencatatkan keuntungan selepas cukai RM16 million juta bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2012 berbanding RM14 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas. Sementara itu, keuntungan sebelum cukai bagi suku tahun ini berjumlah RM28 million juta berbanding RM19 juta bagi suku sama yang dilaporkan tahun lepas.

Untuk tempoh enam bulan terkumpul, Kumpulan mencatatkan keuntungan selepas cukai yang jauh lebih tinggi berjumlah RM45 million juta, iaitu kenaikan 50% berbanding RM30 juta yang diraih bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Bagi tempoh enam bulan pertama, Pharmaniaga memperolehi keuntungan sebelum cukai terkumpul berjumlah RM71 million juta, mewakili peningkatan 73% berbanding RM41 juta yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lepas. Untuk separuh pertama tahun kewangan ini, Kumpulan mencapai perolehan lebih tinggi berjumlah RM903 million juta berbanding RM782 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Pendapatan sesaham juga meningkat bagi separuh tahun pertama kepada 38 sen berbanding 25 sen pada tempoh yang sama tahun lepas.

Berpegang kepada komitmennya terhadap pemegang saham, Lembaga Pengarah telah mengisyiharkan dividen 7.5 sen sesaham, menjadikan dividen yang dibayar setakat ini berjumlah 15 sen. Ini mencerminkan hasrat Kumpulan untuk memastikan pemegang saham mendapat manfaat daripada pendapatan mampan yang dicapainya.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin, Pengerusi, Pharmaniaga Berhad berkata, "Keputusan kami bagi separuh pertama tahun ini ternyata amat menggalakkan lebih-lebih lagi kerana kami telah mencapai kemajuan besar dalam usaha meraih peluang perniagaan baru pada tempoh yang dilaporkan. Oleh itu, kami akan terus meningkatkan kecekapan operasi dan mengukuhkan produktiviti di seluruh Kumpulan."

Untuk tempoh yang dilaporkan, Bahagian Logistik & Pengedaran mencatatkan untung sebelum cukai RM49 million juta berbanding RM34 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas. Penyumbang utama ialah perniagaan konsesi yang telah mencatatkan jumlah jualan lebih tinggi serta peningkatan dalam kecekapan operasi.

Bahagian Pengilangan mencatatkan untung sebelum cukai jauh lebih tinggi berjumlah RM21 million juta bagi tempoh yang dilaporkan bagi tahun kewangan ini berbanding RM4 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas. Peneraju utama ialah sumbangan daripada pengambilalihan Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (IPMSB).

"Meninjau ke hadapan, Pharmaniaga dijangka dapat terus mengekalkan tahap pendapatan, terutamanya kerana permintaan semakin tinggi bagi ubat generik disebabkan kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat. Tambahan lagi, dengan tamat tempoh paten ubat-ubatan terkenal, kami meramalkan akan dapat mengambil kesempatan daripada permintaan tinggi terhadap ubat generik. Untuk mencapai matlamat ini, kami yakin akan menerima pensijilan Kesatuan Eropah (EU) bagi pengilangan kontrak di kilang baru kami di Puchong. Pensijilan pematuhan EU ini pada asasnya memberi kami peluang untuk mendapatkan kontrak pengilangan daripada syarikat multinasional EU," rumus YBhg Tan Sri Dato' Lodin.

Kenyataan tinjauan masa depan

Siaran ini mungkin mengandungi kenyataan tinjauan masa depan berhubung dengan keadaan kewangan, keputusan operasi dan perniagaan Kumpulan dan rancangan dan objektif tertentu Pharmaniaga Berhad berhubung dengan perkara ini. Berasaskan cirinya, kenyataan tinjauan masa depan membabitkan risiko dan ketidakpastian kerana hubung kaitnya dengan peristiwa dan keadaan yang akan berlaku pada masa depan dan terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan keputusan dan prestasi sebenar pada masa depan berbeza secara ketara daripada yang dinyatakan secara tersurat atau tersirat dalam kenyataan tinjauan masa depan ini.

-tamat-

Dikeluarkan bagi pihak: **Pharmaniaga Berhad** Oleh: **acorn communications sdn bhd**
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Natalia Ghani** di **012 231 4782** atau **Roshen Dev** di **03 7958 8348**
Atau hantarkan e-mel ke acorncommunications@acornco.com.my